

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 01 DISEMBER 2015 (SELASA)**

**RUJUKAN : DR062**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara terperinci, usaha-usaha dan keberkesanannya untuk memastikan bahawa aktiviti perlombongan Bauksit di Kuantan, Pahang tidak akan membawa kesan yang merbahaya kepada alam sekitar serta penduduk setempat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sangat komited dalam menangani masalah pencemaran akibat daripada aktiviti pengekstrakan bauksit di Kuantan. Dalam hal ini, NRE telah mengadakan pelbagai siri *engagement* dengan kementerian/ jabatan/ agensi yang berkaitan termasuklah bersama pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pahang, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Konsortium Pelabuhan Kuantan (KPC) dan persatuan pengusaha lombong dan pengangkutan di negeri Pahang.

Di bawah NRE, 2 Jabatan yang bertanggungjawab untuk memantau dan mengawal isu tersebut adalah Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Tindakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Pahang seperti berikut:

- (i) Menetapkan syarat pembinaan *washing bay* dan mewajibkan pencucian lori;
- (ii) meminta pengusaha menyediakan dan melaksanakan perancangan langkah kawalan hakisan dan kolam takungan hampas yang berkesan;
- (iii) menjalankan pemantauan habuk [dust profiling] dan persampelan air yang lebih kerap; dan
- (iv) Mengarahkan pengusaha perlu mendirikan papan tanda maklumat berkaitan operasi pengekstrakan bauksit.

Tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti berikut:

- (i) Memantau kualiti air di kawasan sungai dan laut dan kualiti udara terutamanya bagi reseptor sensitif;
- (ii) Melaporkan status kualiti alam sekitar bagi membolehkan agensi-agensi yang berkenaan mengambil tindakan yang bersesuaian; dan
- (iii) Memantau dan mengambil tindakan tegas atas kegagalan mematuhi Notis Arahan yang dikeluarkan kepada *Kuantan Port Consortium*.

Sekian, terima kasih.